



# RISALAH ALAM GHAIB: ALAM JIN DAN SIFAT- SIFATNYA

Bongkar Alam Ghaib Dengan Ilmu Dari Langit!

## Abstrak

Risalah Alam Ghaib: Alam Jin Dan Sifat-Sifatnya, ini sengaja kami tulis khusus untuk memberi kesedaran pada orang ramai berkenaan hakikat alam ghaib. Semoga bermanfaat. Inshaa' Allah.

Ustaz Awang Mohamad Haffis  
institutcahayasunnahedu@gmail.com

## **KANDUNGAN**

<b>MUKADIMAH .....</b>	<b>2</b>
<b>SELYANG PANDANG ALAM JIN DAN SIFAT-SIFATNYA.....</b>	<b>4</b>
<b>ASAL-USUL JIN .....</b>	<b>5</b>
<b>CAMPUR TANGAN JIN DI ALAM MANUSIA.....</b>	<b>11</b>
<b>TEKNIK-TEKNIK RUQYAH RUMAH YANG ADA GANGGUAN JIN .....</b>	<b>17</b>
<b>PENUTUP .....</b>	<b>19</b>
<b>RUJUKAN SUMBER.....</b>	<b>19</b>

## MUKADIMAH

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّنْ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا. يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا. أَمَّا بَعْدُ؛

فَإِنَّ خَيْرَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Segala puji bagi Allah, kita memuji-Nya, memohon pertolongan dan ampun kepada-Nya, kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita dan kejelekan amalan-amalan kita, barangsiapa yang Allah beri petunjuk maka tidak ada yang dapat menyesatkannya dan barangsiapa yang Allah sesatkan maka tidak ada yang dapat memberinya hidayah. Aku bersaksi bahwa tidak ada yang berhak diibadahi dengan benar kecuali hanya Allah semata, tidak ada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahwasanya Muhammad Shallallahu alaihi wasallam adalah hamba dan utusan Allah.

"Hai orang-orang yang beriman bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kalian mati kecuali dalam keadaan Islam." (QS: Ali Imran: 102)

"Wahai manusia, bertaqwalah kepada Rabb-mu yang telah menciptakanmu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembangbiakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (menggunakan) Nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain dan

(peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah menjaga dan mengawasimu.”  
(QS:An-Nisa:1)

“Wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu kepada Allah dan katakanlah dengan perkataan yang benar, niscaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar.” (QS: Al-Ahzab:70-71)

Amma ba'du (selanjutnya):

Sesungguhnya sebenar-benar perkataan adalah Kitabullah, sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad Shallallahu alaihi wasallam, seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan dalam agama, setiap yang diada-adakan adalah bid'ah dan setiap bid'ah itu sesat dan setiap kesesatan itu tempatnya di neraka.

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam semoga dilimpahkan kepada Nabi Muhammad SAW, yang tidak ada lagi nabi sesudah beliau. Amma Ba'du,

Penglibatan saya di dalam dunia ruqyah berawal ketika masih melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia. Di dalam perjalanan kerohanian yang panjang itu, saya dipertemukan dengan seorang pendakwah sunnah dan pengamal thibbun nabawi dari Yayasan Nurussunnah, Surabaya. Daripada beliau, saya mempelajari ilmu-ilmu berkenaan ruqyah dan pengubatan Nabi serta sering menyertai beliau berdakwah di sekitar kota Surabaya. Pembelajaran berkenaan ilmu ruqyah dan pengubatan Nabi tidak terhenti di situ, kemudian dilanjutkan pula ke Akademi Darul Tauhid Putrajaya, Malaysia melalui program daurah **SPIRIT**.

Ilmu berkenaan ruqyah dan pengubatan Nabi sangat perlu untuk didedahkan kepada orang awam kerana ia adalah warisan kenabian yang patut dimiliki oleh orang Islam. Risalah Alam Ghaib: Alam Jin Dan Sifat-Sifatnya, ini sengaja kami tulis khusus untuk memberi kesedaran pada orang ramai berkenaan hakikat alam ghaib. Semoga bermanfaat. Inshaa' Allah.

**Penulis,**

Ustaz Awang Mohamad Haffis

(Pengasas Institut Cahaya Sunnah)

2 September 2020, Kampung Sebulan Besar.

## **SELAYANG PANDANG ALAM JIN DAN SIFAT-SIFATNYA**

Perkataan jin berasal dari katadasar ج ن ن yang bermaksud 'ditutup'. Ada beberapa kalimat yang kita biasa gunakan juga adalah dari katadasar yang sama. Sebagai contoh, Syurga dinamakan *Jannah* kerana pokok tumbuhan begitu lebat di dalam syurga, sampaikan tidak nampak tanah di bawah. *Janin* juga dinamakan demikian kerana kita pun tidak nampak apa yang ada dalam perut ibu. Maka ini adalah salah satu dari sifat jin yang utama: kita tidak boleh nampak jin dalam keadaan nyata. Dalam A'raf:27, Allah berfirman:

إِنَّهُ يَرَاكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ

*Sesungguhnya Syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka.*

Jin-jin hidup dalam alam mereka sendiri. Kisah tentang jin ini satu topik yang amat menarik minat manusia, sentiasa manusia bercakap-cakap tentangnya. Dan memang banyak disebut tentang jin dalam Al-Qur'an – ada 40 ayat yang menyebut tentang jin. Yang paling banyak diceritakan tentang jin adalah dalam Surah Jin.

Oleh kerana memang telah jelas disebutkan jin dalam Al-Qur'an, maka kita kena percaya dengan kewujudan mereka. Ini penting kerana ada yang tidak mahu menerima kewujudan jin dengan alasan tak boleh nampak jin. Kononnya, mereka itu orang sains, maka kena percaya dengan kepada perkara yang zahir sahaja.

Padahal, ada banyak lagi benda yang kita tak nampak tapi kita tahu ianya wujud – sebagai contoh, kita tidak nampak elektrik, tapi kita tahu ianya wujud, bukan? Kepercayaan kepada kewujudan jin ini adalah sebahagian daripada iman. Kalau kita tak percaya ada jin, bermakna kita telah menolak ayat Al-Qur'an sebenarnya. Jadi, ini bukan perkara main-main.

Terlalu banyak kisah tentang jin dalam masyarakat kita malah di seluruh dunia pun ada membicarakan tentangnya. Dan banyak dari pemahaman itu yang salah. Maka, amat penting untuk kita luruskan pemahaman-pemahaman yang salah tentang alam mereka. Apabila ada salah faham tentang jin, boleh menyebabkan kita buat benda yang khurafat dan syirik.

Dan kerana tidak faham dengan hal jin, maka banyak manusia ambil kesempatan untuk mencari keuntungan dalam mengubat manusia. Dari dulu sampai sekarang, dukun, bomoh

dan pawang sentiasa berterusan menipu manusia. Manusia akan cari mereka kalau mereka ada masalah kena rasuk, tak boleh tidur malam, kena 'tegur', dan entah apa-apa lagi.

Sekarang, bomoh-bomoh dan pawang ini sudah semakin pandai. Mereka tidak pakai nama 'bomoh' dan 'pawang', tapi pakai nama 'ustaz'. Mereka pakai kopiah, pakai serban dan pakai jubah. Mereka guna nama 'ustaz' itu dan ini supaya manusia senang percaya kepada mereka. Dan mereka digelar ustaz hanya kerana ada sebut sedikit sebanyak ayat-ayat Al-Qur'an dalam perubatan mereka.

## ASAL-USUL JIN

Ada banyak jenis jin sebenarnya. Sebagai contoh, jin yang tinggal dalam rumah kita yang dipanggil *Aamir*. Ada jin yang duduk dengan kanak-kanak yang dipanggil *Alwaah*. Dan ada jin yang hendak menyesatkan manusia yang dipanggil *syaitan*. Yang lebih teruk dari syaitan dipanggil *Maarid*. Dan yang lebih jahat dari Maarid adalah *Ifrit*.

Ada jin yang boleh terbang. Ada yang ambil bentuk ular dan anjing. Tapi tidaklah semua ular dan anjing itu adalah jin. Dan ketiga, ada jenis jin yang bergerak dari tempat ke tempat.

*Abu Tsa'labah al-Khasyani meriwayatkan, Rasulullah saw bersabda, "Jin itu tiga jenis: jenis yang memiliki sayap dan terbang di udara, jenis ular dan kala-jengking, dan jenis menetap dan berpindah-pindah." (HR Thabrani, Al-Hakim, dan Baihaqi di dalam al-Asma wash Shifat, dengan sanad sahih. Shahihul Jami', 3/85).*

Ada juga pendapat yang ini hanyalah untuk ular-ular di Madinah sahaja. Jadi kalau ada ular di rumah kita di Malaysia ini, tidak perlulah nak bercakap dengan dia. Terus bunuh sahaja.

Jin juga menjalani kehidupan makan dan minum, berkahwin dan sebagainya. Kita tahu mereka berkahwin kerana ada doa yang menyebut jin jantan dan betina, iaitu doa masuk tandas.

بِسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ

*"Dengan Nama Allah, Ya Allah aku berlindung denganMu daripada syaitan jantan dan syaitan betina".*

Dan tentang jin dalam bentuk ular, kita boleh rujuk hadis Nabi dalam Sahih Bukhari:

*Dan telah menceritakan kepadaku Abu Ath Thahir Ahmad bin 'Amru bin Sarh; Telah mengabarkan kepada kami 'Abdullah bin Wahb; Telah mengabarkan kepadaku Malik bin Anas dari Shaifi iaitu budak dari Ibnu Aflah; Telah mengabarkan kepadaku Abu As Saib -budak-*

*Hisyam bin Zuhrah* bahawa suatu ketika dia menemui *Abu Sa'id Al Khudri* di rumahnya. *Abu Saib* berkata; "Ketika itu saya mendapatkan *Abu Said* sedang salat. Lalu saya menunggunya hingga dia selesai salat. Tiba-tiba saya mendengar sesuatu yang bergerak di pelepah kurma di sudut rumah, lalu saya pun menoleh kepadanya. Ternyata di sana ada seekor ular, maka saya meloncat dari tempat duduk saya untuk membunuhnya. Namun, tak diduga sebelumnya, *Abu Sa'id Al Khudri* malah memberi isyarat kepada saya agar tetap duduk. Akhirnya saya pun kembali ke tempat duduk saya. Selesai salat, *Abu Sa'id* menunjuk sebuah rumah di perkampungan itu seraya berkata; 'Kamu melihat rumah itu hai sahabatku?' Saya menjawab; 'Ya, saya melihatnya.' *Abu Sa'id* melanjutkan ucapannya; 'Di rumah itu dulu ada seorang pemuda yang termasuk keluarga kami dan baru saja melangsungkan pernikahannya (pengantin baru). Dulu kami berangkat menuju medan perang *Khandak* bersama *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*. Ketika itu pemuda tersebut meminta izin kepada *Rasulullah* pada tengah hari, untuk segera pulang menemui isterinya. Akhirnya *Rasulullah* memberinya izin seraya berkata kepadanya: 'Bawalah senjatamu, kerana aku khuwatir orang-orang *Bani Quraizhah* akan menyerangmu!' Tak lama kemudian, lelaki itu mengambil senjatanya dan pulang ke rumahnya. Setibanya di rumah, dia mendapati isterinya sedang berdiri di tengah pintu. Tanpa memastikan, dia pun langsung mengarahkan tombaknya ke arah isterinya (kerana rasa cemburu). Namun isterinya malah berkata kepadanya; 'Tahanlah tombakmu dan masuklah ke dalam rumah agar kamu tahu mengapa aku berada di luar!' Laki-laki itu masuk ke dalam rumah dan ternyata di dalamnya ada seekor ular besar yang sedang melingkar di atas tempat tidur. Tanpa berkata-kata lagi, langsung dia tikam ular tersebut dengan tombak yang dipegangnya. Setelah itu dia keluar seraya menancapkan tombaknya di depan rumah. Tiba-tiba ular tersebut menghantamnya. Tidak dapat diketahui dengan pasti, siapakah yang mati terlebih dahulu, ular atau pemuda itu.' *Abu Sa'id Al Khudri* berkata; 'Akhirnya kami mendatangi *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* untuk melaporkan peristiwa tersebut kepada beliau. Lalu kami berkata; "Ya *Rasulullah*, mohonkanlah kepada Allah agar dia dapat hidup!' *Rasulullah* pun menjawab: 'Sesungguhnya di kota *Madinah* ini ada sekelompok jin yang telah masuk Islam. Apabila kamu melihat sesuatu yang aneh dari mereka, maka berilah izin kepada mereka untuk menetap di rumah selama tiga hari. Tetapi, jika setelah tiga hari tidak mahu pergi juga, maka bunuhlah ia! Kerana ia itu adalah syaitan!' Dan telah menceritakan kepadaku *Muhammad bin Rafi'* Telah menceritakan kepada kami *Wahab bin Jarir bin Hazim* Telah menceritakan kepada kami *Bapakku* dia berkata; Aku mendengar *Asma' bin Ubaid* bercerita dari seorang laki-laki yang biasa dipanggil dengan *As Saib*, menurut kami dia adalah *Abu As Saib* dia berkata; kami menemui *Abu Sa'id Al Khudzri*, tatkala kami sedang duduk, kami mendengar gerakan suara di bawah tempat tidurnya, lalu kami lihat ternyata seekor

ular. Dan seterusnya sebagaimana Hadits Malik dari Shaifi. Dan di dalamnya disebutkan; kemudian Rasulullah bersabda: 'Sesungguhnya di kota Madinah ini ada sekelompok jin. Apabila kamu melihat sesuatu yang aneh dari mereka, maka berilah izin kepada mereka untuk menetap di rumah selama tiga hari. Tetapi, jika setelah tiga hari tidak mau pergi juga, maka bunuhlah ia! Kerana ia itu adalah kafir!' Beliau juga bersabda: 'pergilah kalian untuk menguburkan teman kalian.'

Oleh itu, kita tahu yang jin boleh merupakan diri mereka dalam bentuk ular. Tapi ini adalah ular yang masuk ke dalam rumah, bukan ular yang duduk di luar. Dan ini hanyalah ular-ular yang berada di Madinah. Maka kalau sekarang, tidak perlu tanya dulu kepada ular itu, maka boleh halau atau bunuh sahaja.

Dan kita tahu yang mereka berkahwin dan beranak pinak dari surah Kahfi. Dalam ayat ke 50, Allah berfirman:

أَفْتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ

*Oleh itu, patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib?*

Dalam ayat dari Surah Kahfi ini jelas menunjukkan bahawa jin-jin juga ada keturunan mereka.

Jin juga seperti kita, memerlukan makanan. Tapi makanan mereka tidaklah sama dengan makanan kita. Ada disediakan makanan jin dalam dunia ini. Sebagai contoh, mereka memakan tulang dari sisa makanan kita. Sebab itu kita tidak boleh menggunakan tulang untuk istinja' kerana itu adalah makanan jin.

Dalam Sahih Bukhari ada disebut:

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ قَالَ أَخْبَرَنِي جَدِّي عَنْ أَبِي - ١

هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ يَحْمِلُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِدَاوَةَ لَوْضُوئِهِ وَحَاجَتِهِ فَبَيْنَمَا

هُوَ يَتْبَعُهَا فَقَالَ مَنْ هَذَا فَقَالَ أَنَا أَبُو هُرَيْرَةَ فَقَالَ ابْغِي أَحْجَارًا أَسْتَنْفِضُ بِهَا وَلَا تَأْتِنِي بِعَظْمٍ

وَلَا بِرَوْنَةٍ فَاتَيْنَتْهُ بِأَحْجَارٍ أَحْمَلُهَا فِي طَرْفِ ثَوْبِي حَتَّى وَضَعْتُهَا إِلَى جَنْبِهِ ثُمَّ انصرفتُ حَتَّى إِذَا



فَرَعَ مَشَيْتٌ فَقُلْتُ مَا بَأَلِ الْعَظْمِ وَالرَّوْتَةِ قَالَ هُمَا مِنْ طَعَامِ الْجِنِّ وَإِنَّهُ أَتَانِي وَفَدُ جِنِّ نَصِيبِينَ  
وَنَعَمَ الْجِنُّ فَسَأَلُونِي الزَّادَ فَدَعَوْتُ اللَّهَ لَهُمْ أَنْ لَا يَمُرُّوا بِعَظْمٍ وَلَا بِرَوْتَةٍ إِلَّا وَجَدُوا عَلَيْهَا طَعَامًا

"Telah menceritakan kepada kami Musa bin Isma'il telah menceritakan kepada kami 'Amru bin Yahya bin Sa'id berkata, telah mengabarkan kepadaku kakekku dari Abu Hurairah radliallahu 'anhu, bahwa dia pernah membawakan sebuah kantung air terbuat dari kulit untuk wudlu' dan hajat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Dan dia mengikuti beliau dengan membawa kantung air tersebut, beliau bertanya: "Siapakah ini?". Dia menjawab; "Saya Abu Hurairah". Maka beliau berkata: "Carikanlah aku beberapa batu untuk aku gunakan sebagai alat bersuci dan jangan bawakan aku tulang dan kotoran haiwan". Kemudian aku datang dengan membawa beberapa batu dengan menggunakan hujung bajuku dan meletakkannya di samping beliau. Kemudian aku pergi. Ketika beliau telah selesai, aku berjalan bersama beliau bertanya; "kenapa dengan tulang dan kotoran haiwan?". Beliau menjawab: "Keduanya termasuk makanan jin. Dan sesungguhnya pernah datang kepadaku utusan jin dari Nashibin, dia adalah sebaik-baik jin, lalu mereka meminta kepadaku tentang bekal. Maka aku memohon kepada Allah untuk mereka agar mereka tidak melewati tulang dan kotoran haiwan melainkan mereka mendapatkannya sebagai makanan".

Maka, jelas dari hadis ini bahawa jin memakan tulang, dan najis haiwan kita adalah makanan kepada haiwan belaan jin. Maksudnya, jin juga ada haiwan peliharaan. Dan kalau kita makan tanpa dibacakan Basmalah, makanan itu akan dimakan oleh syaitan.

Ayat khamar (arak) juga dikatakan sebagai dalil yang syaitan suka minum arak. Jadi kalau manusia minum arak, syaitan pun akan minum bersama mereka. Allah berfirman dalam Maidah: 90

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Ulama menggunakan perkataan **مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ** (dari perbuatan Syaitan) dalam ayat ini sebagai dalil yang syaitan suka meminum arak.

Jin juga mati. Cuma mereka hidup lebih lama dari manusia. Ada jin yang baik dan ada jin yang jahat. Jin yang jahat akan coba mengganggu dan menyusahkan manusia. Merekalah yang mengacau manusia dan mengajar kepada kemungkaran.

Jin tinggal di kawasan pedalaman dan kawasan kotor. Mereka juga tinggal di tempat yang senang untuk mereka menipu manusia seperti di pasar-pasar. Mereka juga suka duduk di antara tempat cahaya matahari dan tempat teduh. Sebab itu kita tidak elok duduk di situ.

*Dari Salman r.a. ia berkata: "Bersabda Rasulullah SAW: "Sungguh jika kamu mampu, janganlah engkau menjadi orang yang pertama kali masuk pasar dan terakhir kali keluar darinya, kerana sesungguhnya pasar adalah medan peperangan syaitan dan di dalamnya ia menancapkan bendera." (HR. Muslim:2451)*

*Dari Zaid bin Arqam r.a. dari Nabi SAW, beliau bersabda: "Tempat-tempat buang hajat ini dihadiri oleh syaitan (dengan tujuan mengganggu). Maka jika salah seorang di antara kalian masuk ke dalamnya, hendaklah mengucapkan: ("Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari gangguan syaitan laki-laki dan perempuan)." (HR. Abu Daud: 6)*

Jin juga ada yang tinggal di rumah-rumah kita. Dalilnya dari hadis:

*Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah kalian jadikan rumah-rumah kalian sebagai kuburan, sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah-rumah yang dibacakan di dalamnya surat Al-Baqarah." (HR.Muslim:780-Shahih Muslim:752)*

*Dalam hadis yang diriwayatkan dari As-Sya'bi dia berkata: "Abdullah bin Mas'ud berkata: "Barangsiapa membaca 10 ayat dari surat Al-Baqarah di dalam rumah, maka syaitan tidak akan memasuki rumah itu malam harinya hingga tiba pagi hari. Kesepuluh ayat tersebut adalah 4 ayat pertama darinya; Ayat Kursi; 2 ayat sesudah Ayat Kursi; dan 3 ayat terakhir dari surah Al-Baqarah." (HR.Thabrani).*

15. Jin telah diberikan beberapa kelebihan yang tidak ada pada manusia. Ini biasa, sebab binatang pun ada kelebihan yang kita tidak ada. Sebagai contoh, jin boleh bergerak dari satu tempat ke tempat lain. Mereka juga boleh naik sampai ke langit.

Mereka juga ada kelebihan membina seperti yang digunakan oleh Nabi Sulaiman. Mereka juga ada kekuatan tubuh badan. Mereka boleh merubah rupa mereka. Mereka ada menipu manusia dengan kelebihan-kelebihan yang mereka ada itu. Dalil mereka ada kekuatan adalah seperti yang Allah telah firmankan dalam Saba':12-13, Allah berfirman:

وَلَسُلَيْمَانَ الرِّيحَ غَدُوها شَهْرٌ وَرَوَاحُها شَهْرٌ ۖ وَأَسَلنا لَهُ عَيْنَ القِطْرِ ۖ وَمِنَ الجِنِّ مَن  
يَعْمَلُ بَيْنَ يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۖ وَمَن يَزِغْ مِنْهُم عَن أَمْرِنَا نَذِقْهُ مِن عَذَابِ السَّعِيرِ

*Dan Kami kurniakan kepada Nabi Sulaiman kuasa menggunakan angin untuk perjalanannya: sepagi perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan, dan sepetang perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan; dan Kami alirkan baginya matair dari tembaga; dan (Kami mudahkan) sebahagian dari jin untuk bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan sesiapa dari jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami, Kami akan merasakannya (pukulan) dari azab api neraka.*

يَعْمَلُونَ لَهُ مَا يَشَاءُ مِنْ مَحَارِبَ وَتَمَاثِيلَ وَجِفَانٍ كَالْجَوَابِ وَقُدُورٍ رَاسِيَاتٍ ۖ اعْمَلُوا آلَ  
داوودَ شُكْرًا ۖ وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّكُورُ

*Golongan jin itu membuat untuk Nabi Sulaiman apa yang dia kehendaki dari bangunan-bangunan yang tinggi, dan patung-patung, dan pinggan-pinggan hidangan yang besar seperti kolam, serta periuk-periuk besar yang tetap di atas tukunya. (Setelah itu Kami perintahkan): "Beramallah kamu wahai keluarga Daud untuk bersyukur!" Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hambaKu yang bersyukur.*

Mereka juga ada kelemahan. Mereka tidak ada kuasa untuk mengganggu orang mukmin. Mereka amat takut dengan orang mukmin dan akan lari dari orang mukmin. Seperti kisah syaitan yang lari dari laluan Saidina Umar.

Jin tarafnya lebih rendah dari manusia. Lihatlah bagaimana Nabi Sulaiman menguasai mereka. Maka jangan kita takut dengan jin.

Kalau pintu telah ditutup dengan disebut nama Allah, mereka tidak dapat masuk rumah itu. Oleh itu, senang sahaja untuk menghalau jin dari rumah kita. Apabila kita masuk rumah dan hendak menutup pintu buat kali terakhir, bacakan basmalah. In sha Allah, jin yang ada dalam rumah kita akan keluar dan yang di luar tidak dapat masuk.

## CAMPUR TANGAN JIN DI ALAM MANUSIA

Firman Allah Ta'ala:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

"Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat." [Surah Al-Jin:6]

Di dalam ayat ini, jin-jin itu menceritakan bagaimana ada manusia sudah buat syirik dengan menggunakan jin. Ada manusia yang minta perlindungan kepada jin pula, sedangkan mereka sepatutnya minta tolong kepada Allah SWT. Ini pun ada dilakukan oleh masyarakat kita. Maka, muncullah bermacam-macam bentuk kerjasama dengan bangsa jin oleh manusia seperti saka, ilmu sakti kebatinan, minyak berpenunggu, jin khadam, lokasi berkeramat, anak indigo dan santau.

Orang kita memang ramai yang buat dulu dan masih lagi ada yang buat walaupun zaman sudah moden. Siap belajar macam-macam ilmu bagaimana nak berurusan dan meminta dengan jin. Mereka sanggup buat begitu sebab mereka hendakkan kelebihan dunia. Mereka rasa yang jin itu berkuasa dan boleh berkhidmat untuk mereka dan memberi keuntungan kepada mereka. Malangnya, apa yang mereka belajar dan dapat itu bukan boleh menambah iman tapi menyesatkan mereka sahaja. Itu semua adalah ilmu sihir.

Ada kalangan orang kita yang takut sangat dengan jin. Mereka takut kalau jin mengapa-apakan mereka. Maka sebab itulah mereka rasa yang mereka kena minta perlindungan dari jin-jin itu. Sepatutnya kita bacakan doa yang Nabi ajar. Apabila kita pergi ke sesuatu tempat, kita takut kalau ada yang mengganggu kita, bacakan doa ini.

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

"Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna, dari kejahatan apa yang diciptakan-Nya." (HR. Muslim)

Banyak sangat kepala kita dimainkan oleh perasaan. Semua kita kata jin buat itu, buat ini. Agaknya jin pun marah sebab semua salahkan mereka. Sebagai contoh, kalau anak-anak kita perangai lain sikit, kita kata jin yang kacau. Padahal, kadang-kadang kanak-kanak

yang nampak macam-macam itu adalah kerana tekanan psikologi sahaja. Mereka jadi begitu sebab tekanan perasaan. Kadang-kadang sebab kena tinggal oleh ibubapa yang bekerja. Bila sudah besar nanti akan hilang begitu sahaja.

Jin tidak boleh buat apa pun sebenarnya kepada kita. Kalau mereka nak curi makanan kita pun tidak boleh. Ingatlah bahawa mereka boleh makan sisa kita sahaja. Oleh itu, segala ayam golek, pulut kuning yang diminta oleh mereka itu bukan mereka boleh makan pun.

Yang bahaya adalah bisikan mereka. Mereka boleh membisikkan was-was dalam hati kita. Bisikan mereka itu boleh menyebabkan kita fikirkan macam-macam. Itu pun kerana salah kita selalunya, kalau kita beri 'kunci' kepada mereka kepada hati kita. Kita beri kunci kepada mereka kalau kita takut kepada mereka, kita percaya mereka ada kuasa dan kalau kita ada amal amalan yang salah.

Kita boleh juga mempertahankan diri dari gangguan jin dengan membaca ayat-ayat *muawwizatain* (surah al-Falaq dan an-Nas). Begitu juga dengan membaca ayat Kursi. Ataupun paling mudah bacakan *istiaazah*. Dan kita kena taat kepada suruhan Allah dan tinggalkan dosa kerana kalau kita buat dosa, jin ada usaha untuk ganggu kita. Kalau kita lihat mereka yang kena ganggu, kalau kita periksa, mereka itu solat pun tidak jaga. Mudah sahaja bagi jin nak ganggu mereka yang sebegini.

Dan kita kena bersihkan diri kita luaran juga. Pakai pakaian yang bersih dan bersihkan tempat tinggal kita. Pengamal-pengamal ajaran salah yang berkenaan dengan jin sebenarnya mengamalkan benda-benda yang kotor kerana itulah yang jin suka. Antaranya, mereka akan menyapu najis pada badan mereka untuk beberapa hari semasa pertapaan mereka.

Dan kita kena selalu baca ayat-ayat Al-Qur'an. Apabila masuk rumah, sebut nama Allah. Tapi kena yakin dengan kuasa Allah. Bukan kita baca kosong sahaja. Kalau kita pun tidak percaya, jin pun tidak terkesan dengan bacaan kita itu.

Itu semua adalah perkara-perkara yang boleh dilakukan untuk mempertahankan diri kita dari gangguan jin. Kerana jin syaitan akan sentiasa mencari peluang untuk mengganggu manusia. Sedangkan Nabi pun pernah diganggu, maka gangguan jin ini adalah benar.

Kenapa kita takut dengan jin sedangkan ada malaikat yang menjaga kita? Sebagai contoh, dalam hadis ada disebut yang apabila kita baca ayat Kursi, Allah akan tugaskan malaikat untuk menjaga kita. Mana lagi kuat, jin atau malaikat? Allah telah berfirman bahawa ada malaikat yang menjaga kita. Seperti firman Allah dalam Rad :11

لَهُ مُعَقَّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ

"Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah".

Kepada anak-anak kita pun, kenalah kita doakan keselamatan untuk mereka. Dalam hal ini, ada doa yang diajar oleh Nabi.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَوِّذُ الْحَسَنَ وَالْحُسَيْنَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا:

أُعِيذُكُمْ<sup>1</sup> بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ

"Rasulullah Shallallahu Alaihi wa Sallam memperlindungan Al-Hasan dan Al-Husain Radhiyallahu Anhuma, 'Aku berlindung kepada Allah untukmu berdua dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna, dari segala macam syaitan, binatang yang berbisa, dan 'ain (pandangan mata) yang menyimpannya (yang mengakibatkan sakit)."

Apabila jin melihat manusia takut kepada mereka, jin itu akan tambah lagi perasaan takut itu dalam hati manusia. Bagi manusia yang takut itu, lagi takut. Jin akan bagi orang itu lagi panik. Sampai manusia lagi takut dengan. Nak pergi tempat sunyi sahaja dah mula fikir macam-macam.

Dan menambah dosa kepada manusia. Kerana manusia akan buat benda-benda yang syirik. Buat amalan syirik, berlindung dengan jin sendiri dan macam-macam lagi.

Macam sekarang, kita selalu ditakutkan dengan 'tempat-tempat yang keras' atau tempat berkeramat. Ada pula cerita-cerita tentang tempat yang selalu ada kemalangan sebab kononnya ada gangguan hantu. Padahal tempat itu orang selalu pandu laju sebenarnya.

<sup>1</sup> Dhomir (kata ganti) pada awal lafazh doa أُعِيذُكُمْ dapat disesuaikan dengan jenis kelamin dan jumlah anak sebagai berikut:

Satu anak laki-laki: أُعِيذُكَ

Satu anak perempuan: أُعِيذُكِ

Dua anak; baik dua anak laki-laki atau dua anak perempuan atau satu anak laki-laki dan satu anak perempuan: أُعِيذُكُمْ

Tiga anak laki-laki atau lebih, atau anak yang terdiri dari laki-laki dan perempuan berjumlah tiga orang atau lebih: أُعِيذُكُمْ

Tiga anak perempuan atau lebih: أُعِيذُكُمْ

Dan kalau kita katakan mereka ada kuasa untuk kacau kita, jin-jin itu akan rasa lebih besar dan mereka akan buat supaya kita lebih takut. Ini disebut dalam satu hadis:

كُنْتُ رَدِيفَ النَّبِيِّ -صلى الله عليه وسلم- فَعَثَرْتُ دَابَّتُهُ فَقُلْتُ تَعِسَ الشَّيْطَانُ .

فَقَالَ لَا تَقُلْ تَعِسَ الشَّيْطَانُ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ ذَلِكَ تَعَظَمَ حَتَّى يَكُونَ مِثْلَ الْبَيْتِ

وَيَقُولُ بِقُوَّتِي وَلَكِنْ قُلْ بِسْمِ اللَّهِ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ ذَلِكَ تَصَاغَرَ حَتَّى يَكُونَ مِثْلَ

### الدُّبَابِ

*Ketika aku dibonceng Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam tiba-tiba unta beliau tergelincir. Serta merta aku berkata, "Celakalah syaitan." Maka beliau bersabda, "Jangan kamu katakan, 'celakalah syaitan,' sebab jika kamu katakan seperti itu maka syaitan akan membesar sebesar rumah dan dengan sombongnya syaitan akan berkata; 'Itu terjadi kerana kekuatanku'. Akan tetapi, ucapkanlah 'Bismillah' sebab jika engkau mengucapkan basmalah syaitan akan mengecil hingga sebesar lalat. "(HR. Abu Dawud)*

Jadi ia juga bermaksud, kalau manusia yang pangkatnya sebagai khalifah di muka bumi, tapi mereka minta pertolongan dan perlindungan dari jin pula (yang sebenarnya rendah kedudukan dari manusia), maka itu akan meningkatkan kesombongan jin tersebut. Sebab golongan yang hebat dari mereka tapi minta tolong dengan mereka, maka tentulah mereka rasa hebat.

Hadis ini mengajar kita, jangan kita besarkan jin itu dengan mengatakan yang mereka boleh buat itu dan ini. Sebaliknya, baca basmalah sahaja.

Kalau ada orang yang mengadu selalu nampak benda-benda pelik, tanya mereka: ada belajar silat tak? Kalau tak, bapa atau ahli keluarga yang lain, ada yang jadi bomoh tak? Atau ada tak mengamalkan mana-mana ayat? Baca ayat pengasihkah, ayat nak bagi orang sayangkan, ayat nak bagi orang tunduk dengan kita dan sebagainya. Apabila kita baca ayat Al-Qur'an kerana niat tertentu, maka dia sudah serahkan kunci kepada jin.

Ramai yang sangka, kalau amal ayat Al-Qur'an, tidak mengapa. Ia adalah salah, kerana ianya adalah sihir juga – sihir dengan ayat Al-Qur'an. Maka mereka akan dinampakkan dengan benda-benda ghaib oleh jin. Orang lain tak nampak, mereka pula yang nampak.

Orang lain tak dengar, mereka sahaja yang dengar. Ini adalah kerana qarin yang ada pada kita telah pegang kunci hati kita. Dia telah disihir oleh qarin mereka.

Orang yang dikatakan mati kerana gangguan jin itu bukan kerana dibunuh terus oleh jin tapi adalah kerana mereka kena gangguan fikiran kerana dinampakkan dan didengarkan dengan macam-macam. Yang ganggu fikiran mereka itu adalah jin. Sampai nak makan pun tak lalu. Bila sudah tak mahu makan, maka mereka akan kekurangan zat dan itulah yang akan menyebabkan kematian dari kerana itu.

Macam orang yang kena santau, benda yang mereka nampak seperti jarum, rambut dan sebagainya, tidak ada tapi dinampakkan ada oleh jin. Percayalah bahawa hantu itu tidak boleh buat apa. Hantu bukan boleh gigit kita. Mereka cuma boleh ganggu fikiran dan psikologi sahaja.

Selain daripada menambahkan takut kepada mereka yang sudah sedia takut, perbuatan manusia itu akan menambah-nambah dosa mereka. Apabila manusia meminta tolong kepada jin, jin itu akan menambah dosa manusia. Mereka telah meletakkan harapan dan keselamatan mereka atas jin-jin dan tidak dengan Allah. Itu adalah dosa yang besar. Ianya adalah dosa syirik.

Ingatlah bahawa misi terbesar jin dan syaitan adalah untuk memasukkan kita dalam neraka. Mereka nak kita masuk neraka dengan melakukan syirik. Iaitu minta tolong kepada mereka dan mereka mahu kita lakukan macam-macam lagi amalan syirik yang disebabkan mereka. Tapi kalaulah mereka cekik manusia atau bunuh manusia, itu tidak boleh memasukkan manusia itu ke dalam neraka. Sedangkan kalau mereka mati dengan cara macam itu, mereka akan dikira sebagai mati syahid dan diampunkan dosa. Tentu iblis sebagai ketua syaitan akan marah anak-anak buah dia.

Kalau kita belajar tentang jin dengan cara sunnah, kita tidak akan takut dengan jin. Tapi kalau belajar dengan bomoh dan sebagainya, akan menyebabkan takut pula dengan jin. Malangnya begitulah kisah yang kita selalu dengar di kalangan kita. Sentiasa sahaja berlegar kisah jin dan hantu di kalangan kita. Sampaikan kesannya, masyarakat kita takut sangat dengan jin.

Padahal, kita kena takut dengan Allah. Apabila takut dengan jin, maka semakin berkuasalah jin atas manusia. Sepatutnya kalau jin kacau kita atau orang lain, kita boleh suruh sahaja mereka tinggalkan dan berhenti dari mengganggu. Jin tidak berani dengan orang mukmin. Tak harus pergi ke pusat rawatan.



Mereka yang takut kepada jin dan hantu adalah kerana iman mereka lemah. Mereka tidak faham tentang ilmu tauhid. Mereka tidak percaya bahawa tidak akan berlaku sesuatu melainkan dengan izin Allah. Mereka sangka ada makhluk lain yang ada kuasa untuk memudharatkan kita. Mereka tidak percaya dengan cara-cara yang diajar oleh Nabi.

Dan perkara ini dimudharatkan lagi dengan orang kita yang memang tidak habis-habis bercerita tentang hal-hal yang menakutkan. Suka sangat bercerita dan tengok kisah-kisah seram di TV. Benda itu tidak membawa kebaikan malah kesusahan kepada kita. Buang masa sahaja.

Oleh itu, kena belajar tauhid dan kena kenal Allah dengan sebaiknya. Tidak ada yang dapat memudharatkan kita tanpa izin Allah. Serahkan tawakal kita kepada Allah sahaja. Kena belajar erti tawakal.

Satu lagi kesan perbuatan manusia kepada jin itu, ianya telah menambah kesombongan jin-jin itu. Mereka rasa mereka hebat, kerana manusia minta tolong kepada mereka. Padahal mereka itu kedudukan lebih rendah dari manusia. Ketahuilah bahawa syaitan tidak ada kuasa ke atas kita. Seperti Allah sebut dalam Nisa:76

إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا

*"sesungguhnya tipu daya Syaitan itu adalah lemah".*

Dalam Al-Qur'an, memang telah disebut bagaimana manusia dan jin bertolong tolongan dalam kesesatan. Ini disebut dalam An'am:128

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَا مَعْشَرَ الْجِنِّ قَدِ اسْتَكْبَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِ وَقَالَ أَوْلِيَاؤُهُمْ مِّنَ

الْإِنْسِ رَبَّنَا اسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَّغْنَا أَجَلَنَا الَّذِي أَجَلْتَ لَنَا قَالَ النَّارُ مَثْوَاكُمْ

خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ

*Dan (ingatlah) hari (kiamat yang padanya) Allah akan himpulkan mereka semua, (lalu berfirman): "Wahai sekalian jin (Syaitan-syaitan)! Sesungguhnya kamu telah banyak pengikut-pengikut dari manusia". Dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: "Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-*

*senang (mendapat kemudahan) dengan sebahagian yang lain (Syaitan-syaitan), dan kami telah sampailah kepada masa kami (hari kiamat) yang Engkau telah tentukan bagi kami". (Allah berfirman): "Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya, kecuali apa yang dikehendaki Allah". Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.*

Ada orang yang menggunakan jin untuk melakukan sesuatu. Sebagai contoh, ada yang bela toyol untuk curi duit. Dan ada bomoh memang bela jin sebagai khadam mereka. Ada yang bomoh yang bela jin supaya kacau orang kampung, kemudian orang kampung kena datang jumpa dia untuk ubati dia.

Mereka boleh menggunakan jin-jin itu kerana kerana mereka telah buat perjanjian dengan jin-jin itu. Mereka telah buat sesuatu yang diminta oleh jin. Antaranya mereka amalkan perkara yang salah. Ada yang pergi bertapa sekian-sekian lama. Yang penting, mereka mesti amalkan amalan yang salah. Macam-macam perkara buruk yang manusia sanggup lakukan asalkan mereka boleh dapat keuntungan.

Apabila permintaan jin itu dilayan, mereka akan minta macam-macam lagi. Sampaikan mereka minta nyawa manusia. Mulanya mereka minta limau sahaja, tapi akhirnya minta nyawa anak dara. Sebagai contoh, orang Mesir akan mengorbankan nyawa anak dara mereka kalau Sungai Nil kurang. Perbuatan itu hanya berhenti apabila Umar menjadi khalifah. Itulah kisah bagaimana Umar telah menulis surat kepada Sungai Nil. Ini menunjukkan bahawa ramai manusia yang berurusan dengan jin dan selalunya memang untuk keburukan dan bukannya kebaikan. Sepatutnya kita sebagai manusia tidak ada interaksi apa-apa dengan jin. Mereka dengan dunia mereka dan kita dengan alam dunia kita.

## **TEKNIK-TEKNIK RUQYAH RUMAH YANG ADA GANGGUAN JIN**

Rumah adalah tempat tinggal untuk berlindung daripada panas dan hujan serta perkara-perkara yang membahayakan samaada secara zahir mahupun batin. Rumah juga adalah agar menjadi soleh dan solehah. Selain itu, rumah adalah tempat penyatuan visi dan misi suami isteri untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Rumah juga tak lepas daripada sasaran gangguan jin dan sihir sehingga menimbulkan rasa tidak tenteram kepada para penghuninya. Di antara tanda-tanda rumah tersebut ada gangguan adalah:

1. Terdengar suara-suara aneh seperti memanggil nama salah seorang penghuni rumah, menangis, menjerit bahkan suara menyanyi. Kadang-kadang ada suara binatang seperti lolongan anjing, kicauan burung, ngauman harimau dan sebagainya. Pernah juga ada bunyi suara gemericik air di bilik mandi, suara muzik dan gendang, suara langkah kaki dan tepukan tangan, atau suara-suara yang tidakada sumbernya bila diperiksa.
2. Terjadi pertengkaran suami isteri atau anak dengan ibu bapa. Pertengkaran itu hanya terjadi ketika di rumah tetapi tidak di luar.
3. Rumah terasa panas dan gerah<sup>2</sup>. Bukan disebabkan tidak ada kipas atau pendingin udara (Aircond) tetapi banyak diantara mereka yang sering kepanasan.
4. Rumah terlihat "gelap" dan "suram" bila dilihat orang. Padahal lampunya cukup tetapi orang-orang merasakan rumah tersebut seperti tidak berpenghuni atau kata sebahagian orang – tidak ada "auranya".
5. Jika rumah/ bangunan itu digunakan untuk berniaga, orang tidak melihat adanya aktiviti jual beli sebaliknya seakan-akan melihat rumah/ bangunan tersebut tertutup tembok yang tinggi atau hanya terlihat seperti bangunan tua dengan rumput dan pepohonan yang menjalar ke seluruh bahagian rumah itu.

Kadang-kala tidak semua orang di rumah itu mengalami gangguan seperti yang disebut diatas dan ini bermaksud hanya dirinya sendiri yang bermasalah atau terkena gangguan.

Ada beberapa langkah dan cara yang syar'i untuk mengusir jin dari rumah serta membentenginya daripada segala gangguan. Berikut adalah tatacaranya:

1. Membersihkan rumah dari segala azimat, minyak-minyak berpenunggu, patung, gambar atau lukisan makhluk bernyawa, muzik dan segala sesuatu yang dapat mengurangi manfaat ruqyah.
2. Sucikanlah diri dengan berwudhuk.
3. Isikan air ke dalam alat penyembur.
4. Bacakan ke dalamnya ayat-ayat ruqyah seperti Al-Faatihah 11x, Ayat Kursi 11x, Al-Ikhlas 11x, Al-Falaq 11x dan An-Naas 11x.
5. Selepas itu, sembur air ruqyah ke seluruh rumah sambil membaca Ayat Kursi. Sembur juga pada lubang-lubang dan rekahan yang dijumpai.
6. Selepas itu, kumandangkan azan untuk mendapatkan hasil yang lebih efektif sebagaimana sabda Nabi SAW: "*Sesungguhnya syaitan, jika mendengar laungan azan untuk solat, dia*

---

<sup>2</sup> **Definisi** : berasa panas badan (spt ketika hendak hujan). (**Kamus Pelajar Edisi Kedua**)

*akan berpaling dan berundur sambil terkentut dengan kuat agar tidak didengari laungan azan tersebut...” [HR. Muslim]*

7. Setelah ruqyah rumah selesai, perbanyakkan ibadah di dalamnya lebih-lebih lagi ibadah sunah seperti tahajjud dan witr.
8. Merutinkan membaca surat Al-Baqarah sebagaimana sabda Nabi SAW: “Janganlah kamu menjadikan rumahmu itu seperti kubur (tidak pernah kamu sembahyang sunat ataupun membaca al-Qur’an dan ibadat lain di dalamnya). Sesungguhnya syaitan akan lari dan menjauhkan diri daripada mana-mana rumah yang dibaca di dalamnya surah al-Baqarah”. [HR. Muslim]

## **PENUTUP**

Namun, gangguan akan datang kembali jika tuan rumah melakukan hal-hal yang dapat mengundang syaitan masuk seperti memasang segala azimat, minyak-minyak berpenunggu, patung, gambar atau lukisan makhluk bernyawa, muzik dan segala sesuatu yang melanggar syariat Islam. Wallahu’alam.

## **RUJUKAN SUMBER**

- Ustaz Adli
- Nouman Ali Khan
- Taimiyyah Zubair
- Tafhim-ul-Qur’an, Abul A’la Maududi
- Tafsir Ibn Kathir
- Mutiara al-Qur’an
- Halal Haram Ruqyah, Ustaz Tambusai